

selesai tiga bulan lagi?

12/3/88

SEREMBAN, Jumaat — Krisis perlantikan Datuk Kelana Putra Undang Luak Sungai Ujong) ke-10, yang berlarutan lebih empat tahun, dijangka dapat diselesaikan dalam tiga bulan dari sekarang.

Sumber-sumber tertinggi adat berkata hari ini, Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan dijangka mengadakan satu lagi mesyuarat khasnya untuk membincangkan perkara itu selewat-lewatnya bulan depan.

Sebelum ini, dewan sepatutnya membincangkan urusan perlantikan Datuk Kelana Putra ke-10 dengan panjang lebar dalam mesyuarat khasnya di Istana Besar Seri Menanti Selasa lalu tetapi terpaksa ditangguhkan kerana timbulnya 'isu memorandum daripada Perut Hilir'.

"Sebenarnya, dewan sudah mengambil segala langkah perlu untuk menyelesaikan krisis perlantikan Datuk Kelana Putra ke-10 dan perkara ini dijangka dirumuskan dalam mesyuarat khasnya Selasa alu.

"Langkah yang disusun termasuklah mengadakan perbincangan jangan ketua-ketua adat khususnya Datuk-Datuk Lembaga Tiang Jali Luak Sungai Ujong serta Ibu-Ibu soko tertua Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hillir.

"Perbincangan ini antara lain bertujuan menentukan kesahihan semua nama anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hillir yang dicalonkan untuk menyandang pesaka Undang," kata sumber-sumber itu kepada Berita Harian di sini.

Oleh **BUSTAMAM AHMAD**

Bagaimanapun, difahamkan dewan akan memberi perhatian utama kepada calon-calon yang mewakili anak-anak Waris Perut Ulu selaras dengan keputusannya untuk menggilirkan pesaka Datuk Kelana Putra ke-10 kepada Perut berkenaan.

Sumber-sumber itu berkata tindakan lima ketua adat yang menyembahkan memorandum kepada dewan Selasa lalu dijangka tidak banyak menjelaskan usaha untuk menamatkan krisis itu.

"Tetapi apa yang sudah pasti ialah kedudukan ketua-ketua adat terbabit mungkin dipertikalkan oleh anak-anak Waris mereka sendiri. Apabila ini berlaku, mereka mungkin secara automatik hilang kelayakan untuk menyertai urusan perlantikan Datuk Kelana Putra ke-10.

"Dengan kata lain, dewan mungkin tidak akan membenarkan mereka terbabit menyertai urusan perlantikan Undang baru kerana kedudukan mereka sudah dipertikalkan oleh anak-anak Waris," tambah sumber-sumber itu.

Sumber-sumber itu berkata berdasarkan perkembangan terbaru, kedudukan Datuk Andika Mendellka Fadzil Nordin adalah 'meragukan' di segi aturan adat kerana pembabitannya dalam menyiapkan memorandum berkenaan.

Memorandum itu mengandungi nama seorang anak Waris di Darat daripada Perut Hilir, Raja Azman Raja Amlir, yang dicalonkan oleh Datuk Andika Mendellka Fadzil dan ketua-ketua adat terbabit sebagai Undang baru.